



Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	14/6/2017
JABATAN	:	UMUM
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN

FOTO IHSAN SADA

Info

Krisis bekalan air musim perayaan

- **Lokasi** sering terjejas meliputi kawasan bertekanan air rendah di Kota Setar, Pokok Sena, Kuala Nerang dan Pendang
- **Peningkatan** penggunaan adalah sehingga 30 peratus khususnya sehari sebelum Aidilfitri
- **Peningkatan** berikutan kepulangan perantau untuk beraya
- **1,000 tangki air** berkapasiti 900 liter babitkan peruntukan RM200,000 diagih ke lokasi terjejas untuk memudahkan penduduk menaungi bekalan, dengan 500 lagi dijangka menyusul



Kakitangan SADA menghantar bekalan air menggunakan lori kepada penduduk di Kampung Lalang Baling yang terjejas.

SADA garis 5 kaedah atasi krisis air

→ Tampung peningkatan bilangan pengguna menjelang Aidilfitri

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Syarikat Air Darul Aman (SADA) menggariskan lima kaedah khusus sebagai rangka tindakan menangani krisis bekalan air di bandar raya ini serta daerah berhampiran menjelang Aidilfitri ini berikutan peningkatan dalam bilangan pengguna. Peningkatan dalam jumlah pengguna adalah disebabkan pulangnya orang ramai terutama dari beberapa bandar utama ke negeri ini untuk berhari raya bersama keluarga dengan Kota Setar adalah antara kawasan yang turut terjejas.

Antara usaha dikenal pasti SADA bagi mengatasi masalah itu termasuk mengaktifkan pam pengalakan air sedia ada untuk membantu proses penyaluran bekalan secara lebih berkesan, selain menambah bilangan lori untuk menghantar air ke lokasi terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata untuk membantu mengurangkan kesan akibat krisis bekalan air, pihaknya akan turut memasang lima

lagi pam berkenaan di kawasan yang dijangka mengalami gangguan bekalan.

Mengenai penghantaran air, katanya 127 lori akan digunakan untuk tujuan itu berbanding hanya 98 pada musim Aidilfitri tahun lalu.

"Penambahan bilangan itu penting untuk memastikan bekalan air dapat dihantar secara lebih kerap dan berkesan, selari dengan pertambahan jumlah lokasi yang terjejas iaitu 257 kampung berbanding 226 kampung pada Aidilfitri lalu.

Tekanan air rendah

"Selain itu, SADA juga sudah melaksanakan kerja merendahkan paip aliran masuk ke tangki simpanan bagi memastikan masalah tekanan air rendah dapat dikurangkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri taklimat pelan tindakan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi menghadapi krisis air sewaktu Aidilfitri di Wisma Darul Aman, di sini, yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Datuk Abdul Ghani Zainuddin.

Isu bekalan air ketika musim perayaan khususnya Aidilfitri saban tahun dialami khususnya di lokasi tertentu di beberapa daerah yang mengalami tekanan air rendah.



SADA juga sudah melaksanakan kerja merendahkan paip aliran masuk ke tangki simpanan bagi memastikan masalah tekanan air rendah dapat dikurangkan"

Badrol Hisham Hashim,
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan Kedah

Badrol Hisham pada masa sama, menggesa barisan ADUN khususnya di lokasi terjejas turut membantu dengan menyediakan lori tambahan sendiri sebagai tambahan kepada lori SADA untuk mengagihkan bekalan secara lancar dan cepat.

Cuti 200 kakitangan dibekukan

Sementara itu, Abdul Ghani berkata SADA memandang serius isu bekalan air yang dihadapi, justeru memutuskan untuk membekukan cuti kira-kira 200 kakitangan dan pegawainya bagi memastikan krisis air yang berlaku ketika sambutan Aidilfitri dapat ditangani dengan baik.

Bagi pihak SADA, katanya pihaknya mengambil kira pengalaman musim lalu untuk memastikan setiap aduan daripada penduduk yang terjejas diterima dan diselesaikan dengan baik.

"Tumpuan utama SADA adalah membabitkan kakitangan di lapangan dan teknikal yang akan melakukan tugas untuk menghantar air, menerima laporan, membaiki pulih paip atau loji.

"Untuk tahun ini, kami akan menempatkan kakitangan di pusat aduan yang dibuka di kawasan perumahan tertentu supaya penduduk dapat membuat aduan secara terus kepada pegawai SADA," katanya.